

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN
1995
31 JANUARI 1995**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu izinkan saya menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah perkenan-Nya dapat sekali lagi saya melancarkan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan anjuran Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bagi tahun ini.

2. Sepertimana yang dapat kita sama-sama nikmati, saya turut bersyukur dan berbangga melihat tanahair kita membangun dengan pesatnya di dalam pelbagai bidang. Selain daripada kemakmuran dan keindahan alam semulajadi yang dimiliki oleh negara ini, kestabilan politik juga membuat negara kita sentiasa disanjung oleh negara-negara luar dan maju. Mereka kagum dengan keupayaan rakyatnya yang terdiri daripada berbilang kaum, kebudayaan dan agama dapat hidup dengan rukun dan damai. Ini adalah suatu manifestasi kejayaan negara kita yang tiada tolok bandingannya di mana-mana jua sekalipun di dunia ini.

3. Keadaan ini jauh berbeza sekali jika dibandingkan dengan beberapa negara di dunia ini yang sentiasa berlaku pergolakan dan tidak putus-putus diancam oleh pelbagai kemusnahan dan kehancuran.

4. Di Bosnia-Herzegovina dan Chechnya, penghapusan etnik sedang bermaharajalela tanpa berperikemanusiaan dan rasa simpati. Rusuhan kaum sering melanda di beberapa negara Barat, ancaman kebuluran berleluasa di Habsyah, Somalia, Sudan dan sebagainya.

5. Jika dilihat semuanya ini, alangkah bertuahnya rakyat Malaysia yang terlepas daripada pelbagai gejala dan bencana serta kejadian buruk yang menimpa rakyat negara-negara lain. Kita perlu insaf dan bersyukur kerana sama-sama dapat menikmati kehidupan yang lebih selamat, bahagia dan bebas daripada sebarang ancaman.

6. Perkembangan ekonomi negara yang pesat membuat negara kita menjadi tumpuan ahli-ahli perniagaan dari segenap pelusuk dunia untuk melabur. Para pelabur asing sentiasa berminat untuk menjadikan negara ini sebagai tapak dan landasan kepada perkembangan perniagaan mereka.

7. Begitu juga dengan industri pelancongan yang telah berjaya menarik jutaan pelancong dari luar negara membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang amat menarik, indah dan ciri-ciri lain yang sukar ditandingi oleh negara-

negara

serantau.

8. Bagi generasi muda, mereka merupakan generasi yang paling bertuah kerana telah menikmati pelbagai kemudahan untuk menimba ilmu dan melalui kehidupan yang lebih selesa dan bermakna jika dibandingkan dengan generasi sebelumnya.

9. Semua ini adalah disebabkan oleh keadaan keselamatan dan keamanan negara yang terjamin, kestabilan politik, pembangunan negara yang pesat serta keharmonian kehidupan di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama di negara ini.

10. Amalan dan budaya kita yang sentiasa mengasuh kita supaya bertimbang rasa dan bertolak ansur di dalam pendekatan kehidupan, mengajar kita bersifat positif dan saling berganding bahu di dalam apa jua kegiatan yang produktif demi kemajuan dan pembangunan negara.

11. Nilai-nilai budaya yang sedemikian luhur seharusnya dipertahankan oleh semua pihak dengan seberapa daya yang termampu supaya hidup kita lebih bermakna dan mantap serta sentiasa menjadi contoh dan teladan kepada rakyat negara lain.

12. Di dalam pertikaian politik antarabangsa, kita patut berbangga kerana angkatan tentera kita selain daripada bertugas untuk mengekalkan keamanan negara, telah berani menyahut cabaran dunia antarabangsa untuk bertugas di luar negara di dalam usaha menjaga keamanan dunia sejagat.

13. Keberanian serta kecekapan mereka menjalankan tugas dengan penuh semangat berdisiplin, dedikasi dan profesionalisme telah mendapat sanjungan serta disegani oleh tentera-tentera dari negara asing.

14. Pada hemat saya kejayaan cemerlang ini dicapai kerana setiap anggota tentera kita sudah menghayati dan komited di dalam profesion mereka. Mereka sedar bahawa usaha ke arah mengharumkan nama negara adalah suatu perjuangan yang besar.

15. Sesungguhnya, tahap kemajuan, kemakmuran dan keamanan yang sedang sama-sama kita nikmati ketika ini bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dicapai. Semua ini adalah juga hasil perjuangan perwira kita di dalam angkatan tentera yang terpaksa melalui pelbagai cabaran, dugaan, penderitaan dan kesengsaraan buat beberapa tahun lamanya.

16. Pengorbanan mereka di dalam mempertahankan kedaulatan negara yang tercinta ini sepatutnya terukir dengan tinta emas dan menjadi lambang keperwiraan mereka serta diabadikan oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini sebagai satu penghargaan yang besar.

17. Mereka adalah pahlawan yang telah berjuang demi negara, bangsa dan agama tanpa mengira kepentingan peribadi, isteri serta anak-anak yang tercinta walaupun nyawa menjadi pertaruhan.

18. Sempena dengan Hari Pahlawan yang jatuh pada setiap 31 haribulan Julai setiap tahun, marilah kita sama-sama merenungi nasib bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka yang kurang bernasib baik dalam mengharungi sisa-sisa hidup mereka di zaman yang serba mencabar ini.

19. Selain daripada kita menadah tangan berdoa memohon restu semoga kehidupan mereka sentiasa berada di dalam kesejahteraan, marilah juga kita sama-sama menghulurkan bantuan sama ada dalam bentuk kebendaan atau wang ringgit sempena dengan pelancaran kutipan derma rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini. Semoga dengan sumbangan tersebut beban serta penderitaan mereka dapat dikurangkan.

20. Saya juga berasa yakin bahawa rakyat Malaysia yang sentiasa mempunyai sifat penyayang serta prihatin di atas penderitaan mereka akan terus menyokong usaha murni ini sebagai bukti dan memenuhi konsep masyarakat penyayang yang sering dilaung-laungkan oleh Kerajaan.

21. Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan telah mewujudkan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera atau ringkasnya 'PERHEBAT' bagi membantu nasib bekas-bekas perajurit. Saya yakin PERHEBAT akan berganding bahu dengan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dan mengendalikan setiap program yang boleh memberi manfaat kepada bekas-bekas perajurit.

22. Saya sentiasa menyanjung tinggi segala sikap bertimbang rasa, sifat bermurah hati yang menjadi warisan dan amalan kehidupan masyarakat di negara ini. Adalah menjadi budaya kita untuk saling bantu membantu di antara satu sama lain lebih-lebih lagi golongan yang kurang bernasib baik.

23. Sebagai masyarakat Malaysia yang penyayang marilah sama-sama kita menggunakan kesempatan ini untuk menjayakan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini semoga semua bekas perajurit serta keluarga mereka yang kurang bernasib baik akan turut samasama menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan selesa.

24. Saya sudahi dengan ucapan selamat maju jaya serta aman sejahtera dan selamat menderma.